

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA

MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH

KEPALA BATAS,

PULAU PINANG, PADA HARI ISNIN

26HB. JUN, 1978, JAM 10.00 PAGI.

Padang - permutaan Pengurus  
Jemaah Pentadbiran.

1. Yang Amat Berhormat Dr. Lim Chong Eu,  
Ketua Menteri Pulau Pinang. & Puan Lim

2. *y. Berusaha, Tuan Pengurus, Jawatankuasa Pentadbiran  
Jemaah Pentadbir*  
Yang Berusaha Setiausaha Kerajaan.

3. Yang Berusaha Pegawai Daerah.

4. *" " Encik Kam Boo, ~~...~~ Pengarah, Sekolah  
" " Pengarah Pelajar, negeri Pulau Pinang Malaysia.*  
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

*y. Berusaha Guru Besar, Sekolah ini.*

*minta maaf kerana lambat sampai kerana  
sebab yang tidak dapat dielakkan.*

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih  
serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada  
Jawatankuasa Sambutan Sekolah Menengah  
Kementerian Pelajaran, kerana memberi peng-  
hormatan kepada saya merasmikan Sekolah  
Menengah ini.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, satu daripada usaha utama Kerajaan untuk melaksanakan pembangunan negara, adalah melalui pelajaran. Sistem pelajaran dan latihan, sedang menitikberatkan usaha melengkapkan belia-belia dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, supaya mereka dapat mengambil bahagian yang lebih berkesan lagi dalam pembangunan ekonomi. Dalam tempoh Rancangan

Malaysia Ketiga, beberapa langkah sedang diambil bagi menyesuaikan lagi sistem pelajaran, untuk menampung keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh negara. Pada masa ini, negara masih kekurangan tenaga yang berkemahiran, terutamanya diperingkat iktisas, teknik, pengurusan dan pertukangan.

3. Untuk membantu anak-anak penduduk kawasan luarbandar, terutamanya bumiputra, yang kurang kemampuan ekonominya dan kurang kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah, Kerajaan

telah membina sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah menengah sains, bagi menampung keperluan mereka ini, dan memberi peluang kepada mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat-peringkat yang lebih tinggi. Pada tahun ini, bilangan murid di sekolah teknik dan vokesyenal akan meningkat seramai lebihkurang 20 ribu orang, dan di sekolah berasrama penuh/sekolah sains seramai lebihkurang 14 ribu orang.

4. Setakat ini, kita mempunyai sejumlah lebih dari 7 ribu buah sekolah, yang terdiri

dari 6,400 buah sekolah rendah, 970 buah sekolah menengah  
9 buah sekolah berasrama penuh, 10 buah sekolah  
menengah sains, 10 buah sekolah menengah teknik  
dan 28 buah sekolah vokesyenal. Pelajaran  
vokesyenal akan diperkembangkan lagi dalam  
Rancangan Malaysia Ketiga ini, dan Kerajaan  
akan membina 9 buah lagi sekolah vokesyenal,  
iaitu 5 buah di Semenanjung Malaysia,  
2 buah di Sarawak, dan 2 buah di Sabah.

5. Sebagaimana kitasedia maklum,  
negara kita sekarang ini mempunyai lima buah

universiti untuk menampung keperluan-keperluan pelajaran tinggi dari sebilangan penuntut-penuntut yang lulus daripada sekolah-sekolah menengah.

Untuk menentukan kecapaian matalamat keperluan tenaga rakyat, maka pengajaran matapelajaran sains, kedoktoran dan kejuruteraan, akan diperkukuh dan diperluaskan lagi dan

pengambilan bilangan penuntut-penuntut dalam jurusan-jurusan tersebut, akan ditambah dari tahun ke setahun.

6. Selain daripada 5 buah universiti ini, kita juga mempunyai 3 buah maktab yang mengeluarkan lulusan-lulusan diperingkat 'professional'. Maktab-maktab ini ialah Institut Teknologi MARA, Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Kuantan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

7. Bangunan yang terseregam besar ini, melambangkan satu satunya kemudahan yang telah dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat jelata. Kalau ditinjau diseluruh tanah air, kita dapat melihat dengan mata kepala kita sendiri, kemajuan dan kejayaan yang telah di capai oleh negara dan dinikmati oleh rakyat. Tiada sesiapa pun yang boleh menjangkakan bahawa kadar kemajuan yang telah diperolehi sejak kemerdekaan hampir 21 tahun ini, jauh bezanya dari apa yang telah dapat dibuktikan dibuat

oleh Kerajaan anggap selama ia memerintah negara kita.

8. Dalam kebanyakan kampung dan pekan-pekan kecil, yang pada dahulunya terbiar dan ter-tinggal, sekarang ini telah dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan letrik dan air, pusat-pusat kesihatan dan lain-lain keperluan utama, yang dikehendaki oleh rakyat. Kesemuanya ini adalah hasil usaha Kerajaan dibawah pentadbiran Barisan Nasional.

9. Kerajaan Barisan Nasional, sama ada diperingkat Persekutuan ataupun di Peringkat Negeri, termasuk Negeri Pulau Pinang, berazam sedaya upaya untuk membawa lebih banyak lagi nikmat dan munafaat kepada rakyat. Kejayaan melaksanakan semua projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan sepenuhnya mengikut jadual, merupakan usaha gigih Kerajaan Barisan Nasional. Kita juga mempunyai kesanggupan untuk melaksanakan dengan lebih sempurna lagi, mutu pembangunan dan pendapatan yang tinggi di kalangan rakyat. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menitekberatkan

pembangunan dikawasan-kawasan yang kurang maju, sambil memperbaiki taraf hidup dan kebajikan masyarakat, dari kumpulan rakyat yang kurang bernasib baik.

10. Kerajaan Barisan Nasional selama ini, giat melaksanakan berbagai dasar dan rancangan sosio ekonomi, bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Di Pulau Pinang ternyata dengan jelasnya, bagaimana rancangan-rancangan dan dasar Kerajaan telah dilaksanakan, demi kepentingan rakyat jelata.

11. Sesungguhnya Pulau Pinang telah banyak memperolehi kejayaan dan kemajuan dalam berbagai bidang. Sektor perindustriannya, telah banyak mewujudkan pekerjaan, serta meningkatkan lagi kegiatan ekonomi negeri. Rakyat di Negeri Pulau Pinang termasuklah mereka yang tinggal di tanah besar ini, telah dapat menikmati faedah dan menafaat dari hasil usaha Kerajaan

*negeri Pulau Pinang.*

12. Kerajaan Negeri dengan bantuan *dan kerjasama* Kerajaan Persekutuan, telah juga dapat melaksana

dan menyiapkan beberapa rancangan perumahan untuk rakyat. Kawasan utama di tanah besar ini, ialah berpusat di Bukit Panchor, Jalan Mohd. Saad, Permatang Tinggi dan di Valdor.

13. Dengan terlaksananya rancangan perumahan 1977 oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Jabatan Kerja Raya, serta juga yunit-yunit perumahan yang akan disiapkan menjelang tahun ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan dapat menyediakan sejumlah 4,637 yunit rumah untuk rakyat, Rancangan ini, merupakan rancangan

yang terbesar di sektor perumahan awan, yang pernah dilaksanakan pada setahun dalam sejarah perusahaan perumahan.

14. Rekod kejayaan Kerajaan Negeri dalam kemajuan pelancungan, juga tidak kurang mengagumkan. Hasil dari kegiatan-kegiatan yang menggalakkan, serta juga usaha-usaha Kerajaan Negeri, bilangan pelancung-pelancung dan pelawat-pelawat ke negeri ini, telah meningkat daripada 32,381 dalam tahun 1969, kepada 150,025 dalam tahun 1977. Ini adalah

tambahan sebanyak 363.31 peratus.

15. Tidaklah syak lagi bahawa, kemajuan yang begitu bermutu disegi sosio-ekonomi, membuktikan kebolehan dan keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Dr. Lim Chong Eu.

Kerajaan

Negeri telah berjaya mengatasi berbagai masalahnya, dan kini berdiri di atas ambang pembangunan yang lebih tinggi dan teguh.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang, disamping menjalankan

.. 16/-

usaha-usaha memajukan negerinya sendiri, telah juga membantu negeri-negeri jiran dalam pembangunan. Rakyat Negeri Pulau Pinang, haruslah berasa bangga di atas kejayaan-kejayaan Kerajaan Negerinya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan ini, menunjukkan perhatian Kerajaan Barisan Nasional keatas keperluan Sekolah Menengah dikawasan luarbandar, khasnya sekolah-sekolah dalam aliran Kabangsaan. Ia menunjukkan

bukti dan hasrat Kerajaan Barisan Nasional, memberi kemudahan pelajaran yang maksima kepada masyarakat luarbandar. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pertambahan penduduk, termasuk dikawasan luarbandar, telah melibatkan keperluan yang bertambah untuk kemudahan persekolahan. Tanpa pembinaan sekolah-sekolah Menengah dikawasan luarbandar, murid-murid di luarbandar terpaksa pergi ke sekolah-sekolah dibandar, yang jauh dari r u m a h n y a .

Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan di-Kepala Batas ini, adalah salahsatu usaha untuk mengelakkan kesusahan saperti itu, dan bagi

menambah kesempurnaan hidup penduduk-penduduk di kawasan ini.

17. Dari segi lain, pekan Kepala Batas ini, adalah merupakan salahsatu pusat pertumbuhan luarbandar yang penting di Pulau Pinang

Diantaranya, Kepala Batas adalah tempat lahirnya seorang pemimpin masyarakat yang berjasa, iaitu Allah yarham Datuk Haji Ahmad Badawi bin Haji Abdullah. Beliau telah kembali kerahmatullah pada hari Sabtu 7hb. Mei, 1977. Allah yarham adalah salah seorang pejuang kemerdekaan, dari zaman perjuangan

Allahyarham ayahanda saya.

18. Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi meninggalkan jasa-jasanya yang cemerlang, bukan sahaja kepada kawasan Kepala Batas? bahkan juga ke seluruh negeri Pulau Pinang. #a^

Dalam perjuangannya,

Allahyarham bukan sahaja seorang pejuang politik yang terkenal, tetapi juga seorang

..20/-

ahli politik yang jujur, suci dan ikhlas, serta juga seorang guru dan ulamak yang terkenal, yang menggalakkan usaha-usaha dakwah dan pelajaran tinggi. Perjuangannya dalam bidang pelajaran ini, sangatlah luas.

19. Perjuangan Allahyarham itu adalah semata-mata untuk faedah rakyat, ugama dan negara, sampailah keakhir hayatnya. Allahyarham itu telah menubuhkan sekolah ugama rakyat, yang telah mengeluarkan ramai pemimpin-pemimpin negara, dan masih lagi memberikan ilmu kepada penduduk-penduduk di kawasan Kepala Batas.

20. Kepimpinan dan perjuangan Allahyarham itu dalam bidang pelajaran, telah banyak memberi bimbingan dan dorongan kepada pemimpin-pemimpin negara, serta penduduk-penduduk di-Kepala Batas, Bagi mengenangkan jasa-jasa Allahyarham itu, dengan sukacitanya menamakan Sekolah Menengah Kebangsaan ini,

Sekolah Menengah Datuk Haji Ahmad Badawi

sebagai kenang-kenangan bagi rakyat serta jenerasi akandatang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

21. Sewajarnya rakyat di Kepala Batas khasnya, dan diseluruh Pulau Pinang 'amnya,

dan khususnya orang-orang Melayu, meneruskan perjuangan Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi itu.

*Pemrintaan Pengurusan Jemaah Pantah*  
*Ketabahan sedang rebatlah - akan*  
*di pertimbangkan oleh Kementerian Pelajaran -*  
*Kajian Penempatan penggal R 177.*  
 25. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan

terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis dan lawatan saya ini.

..25/-

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

26. Dengan ini, saya dengan nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani, mengisytiharkan Bangunan Sekolah Menengah Kepala Batas ini dibuka dengan resminya.



No Siri ..... 373  
No Penerimaan ..... 38/79